

Lahir pemikir Islam

Dr Mahathir anggap teori barat tanpa asas agama punca dunia alami krisis moral

>>Oleh Ahmad Shahrul Nizam Muhammad

ahmadshahrul@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: "Kita berasa rendah diri apabila berdepan dengan teori dan pemikiran yang dibawa pemikir barat yang pada umumnya teori mereka tidak berasaskan kepada agama.

"Ia menyebabkan tanpa disedari, dunia menghadapi krisis moral, sosial, politik dan ekonomi kerana terlalu terikat dan terkongkong dengan matlamat dan falsafah yang dicanangkan idea serta teori barat," kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Beliau berkata, keadaan itu menuntut peranan universiti di negara ini bagi melahirkan pakar dalam pelbagai bidang dengan menjadikan



FOTO | Izhari Ariffin

**JASA
DIIKTIRAF...
Dr Mahathir
menerima
anugerah
Ijazah Doktor
Falsafah
daripada
Tunku
Ampuan
Najihah,
semalam.**

keagungan Islam pada masa lalu sebagai sumber inspirasi.

Menurutnya, sebagai khalifah yang diberi amanah bagi memakmurkan alam, umat Islam perlu berupaya menjana ilmu dan teknologi serta penyelesaian terhadap pelbagai masalah sosial, eko-

nomi dan antarabangsa, bukannya diperhamba oleh idea serta fahaman barat semata-mata.

"Umat Islam memerlukan lebih ramai pemikir dan pencetus idea di kalangan orang Islam sendiri yang berupaya memberi keyakinan dan penyelesaian pilihan

terbaik kepada pelbagai masalah serta krisis dunia," katanya pada majlis Konvokesyen Khas Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dianugerahkan Ijazah Doktor

Falsafah (Kehormat) Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat bagi mengiktiraf sumbangan beliau terhadap perkembangan ekonomi Islam serta peranannya mengangkat sistem kewangan Islam di persada antarabangsa.

Anugerah disampaikan Canselor USIM, Tunku Ampuan Najihah Tunku Besar Burhanuddin.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr Mohamad Yusof Md Nor dan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Muhammad Muda.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, selari dengan konsep umat terbaik yang disebutkan dalam al-Quran, sudah wajar umat Islam menjadi contoh dan menyediakan kaedah terbaik bagi membimbing masyarakat sejagat.